

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 14 JUN 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	AGRICULTURE MINISTRY HOSTS BANQUET TO TREAT IGP AND MINISTERS, NATION, CHINA PRESS -A10 SEKITAR AIDILFITRI, BH -14 PERUNTUK RM44J UNTUK PESAWAH PADI BUKIT, SETEMPAT, HM -20 RM44 JUTA UNTUK PESAWAH PADI BUKIT, CETUSAN, SH -18 RM44J SUBSIDI DILULUS BANTU PESAWAH DI SABAH, SARAWAK, NEGARA, KOSMO -12 SBRPB MANFAAT PESAWAH PADI BUKIT TAMBAH PENDAPATAN, DASAR & PENTADBIRAN, BH -22 RM44 JUTA SBRPB BANTU PESAWAH SABAH, SARAWAK – SALAHUDDIN, DALAM NEGERI, UM -10 KEMENTERIAN KAJI PENYATUAN TANAH, DALAM NEGERI, UM -10 'RM44 MLN FOR SABAH, SARAWAK HILL PADI FARMERS', NEWS, BORNEO POST ONLINE -6 RM44 MILLION ALLOCATED FOR SABAH, SARAWAK HILL PADI FARMERS, NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -10 FIRST BATCH OF FROZEN WHOLE DURIANS TO EXPORT TO CHINA, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4 5 COMPANIES IN MALAYSIA GRANTED EXPORTS OF WHOLE DURIAN INTO CHINA, NATION, SIN CHEW DAILY -12 PESAWAH TERTEKAN, PENGELUAR BENIH PADI KAUT UNTUNG, DALAM NEGERI, UM -13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
14.	JAMUAN RAYA LPP, ALBUM AIDILFITRI, UM -14	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
15.	400 PARKIR ALTERNATIF HOSPITAL SERDANG, SETEMPAT, HM -3	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
16. 17.	KES TERBAHARU RABIES DI SARAWAK, DALAM NEGERI, UM -44 19 KES RABIES DICATAT DI SARAWAK, NEGARA, KOSMO -16	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
 KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
 (UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Agriculture Ministry hosts banquet to treat IGP and ministers		
MediaTitle	China Press		
Date	14 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A10	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	639 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,605
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,815



農業部款待警總長部長

农业与农基工业部周四（13日）举办开斋节门户开放活动，部长沙拉胡丁阿育（站者右）特别准备猫山王榴槤，款待警察总长拿督斯里阿都哈密（坐者中）。

坐者左起为农业部秘书长拿督莫哈末沙列胡丁和农业银行董事会主席丹斯里莫哈末扎比迪；站者左为马中总商会吉兰丹分会主席拿督陈春华。

右上图为除了阿都哈密，国防部长莫哈末沙布（左2）和行动党中委刘天球也受邀与农业部官员共庆开斋节。

右下图为沙拉胡丁阿育（右4）在活动後在部门大厅外与出席者合影，右3起为陈春华、农业部副部长沈志勤，左2为刘天球。



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2019	BERITA HARIAN	SEKITAR AIDILFITRI	14



[FOTO BERNAMA]

[FOTO SARDA MURUGETAH]

- 1 **Antara tetamu yang hadir** pada Majlis Jalinan Aidilfitri PKNS dan Gabungan Anak Syarikat PKNS di Pusat Konvensyen Shah Alam, semalam.
- 2 **Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub** menjamu durian kepada Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu dan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador yang turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan pada Majlis Sambutan Aidilfitri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Putrajaya, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	20

Peruntuk RM44j untuk pesawah padi bukit

Putrajaya: Kerajaan meluluskan peruntukan RM44 juta untuk Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma (SBRPB) yang akan memanfaatkan 56,446 pesawah padi bukit di Sabah dan Sarawak bagi musim penanaman bermula awal Ogos ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, jumlah itu akan memanfaatkan 11,684 pesawah padi bukit di Sabah dan 44,762 di Sarawak.

Beliau berkata, SBRPB diperkenalkan sejak 2015 dan melalui inisiatif itu, pengeluaran padi bukit berjaya ditingkatkan daripada satu metrik tan per hektar kepada 1.5 metrik tan hingga 2.5 metrik tan per hektar.

"Ia berjaya meningkatkan pendapatan pesawah dari RM180 sebulan kepada an-



SALAHUDDIN (tengah) bersama pegawainya membuat teh tarik pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri kementerianannya, semalam.

tara RM320 hingga RM700 sebulan.

"Peruntukan SBRPB ini tidak disenarai dalam pembentangan belanjawan tahun ini. Jadi, kita harapkan kelulusan ini dapat membantu pesawah terbabit ketika musim penanaman

yang bermula awal Ogos nanti," katanya selepas menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di sini, semalam.

Menurutnya, selepas melancarkan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan

Industri Asas Tani pada Februari lalu, beberapa perancangan dibuat termasuk memodenkan sektor padi negara untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah.

"Susulan perjumpaan bersama Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Selasa lalu, beliau mahu tiga kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengadakan perbincangan.

"Selepas berbincang, kami diminta memberikan pandangan konstruktif untuk memastikan rancangan meningkatkan pendapatan petani dapat dilakukan secara holistik dengan penyelesaian bersifat menyeluruh, bukan terpencil," katanya.

RM44 juta untuk pesawah padi bukit

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mengumumkan telah menerima kelulusan sebanyak RM44 juta Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma (SBRPB) khas buat industri itu di Sabah dan Sarawak.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, peruntukan yang diluluskan Kementerian Kewangan pada 28 Mei lalu akan memberi manfaat kepada seramai 56,446 pesawah di kedua-dua negeri itu semasa musim penanaman bermula awal Ogos ini.

"Dalam belanjawan tahun ini sebenarnya tidak ada subsidi khusus untuk padi bukit tetapi saya sebagai menteri dan pasukannya MOA telah bersama-sama memperjuangkan nasib pesawah di Sabah serta Sarawak.

"Alhamdulillah kita telah berjaya pastikan tahun ini mereka dapat peruntukan sebanyak RM44 juta," katanya pada sidang media Majlis Sambutan Hari

Raya Aidilfitri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Tahun 2019 di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, SBRPB yang mula diperkenalkan sejak 2015 adalah inisiatif kerajaan khusus bagi membantu pesawah di Sabah dan Sarawak yang mengusahakan penanaman padi bukit.

"Melalui inisiatif ini, pengeluaran padi bukit telah berjaya ditingkatkan daripada satu tan metrik per hektar kepada 2.5 tan metrik per hektar.

"Ia sekali gus mampu meningkatkan pendapatan pesawah iaitu daripada RM180 sebulan kepada RM320 hingga RM700 sebulan," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata, perancangan berkaitan strategi memodenkan sektor padi negara untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah telah dibuat selepas Kementerian melancarkan hala tuju baharu pada Februari lalu.



Foto: SHAHRULJIN ABDUL RAHIM

Salahuddin bersalaman dengan tetamu pada majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Putrajaya semalam.

"Perancangan ini telah dibentangkan kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam satu perjumpaan bulan lalu.

"Permodenan penanaman padi hanya mampu direalisasikan melalui pertanian berskala besar. Justeru, penyatuan tanah harus dilakukan agar pesawah dapat mencapai kemajuan," katanya.

Bellau berkata, MOA sentiasa mengalu-alukan pihak yang

kongsi segala maklumat dan pengalaman bagi memastikan industri padi negara berkembang," katanya.

Menurutnya, MOA juga sedang mengkaji beberapa model penyatuan tanah dan model tersebut dijangka diumumkan pada penghujung tahun ini.

"Cadangan telah dibentangkan secara komprehensif dalam mesyuarat tersebut dan ia memerlukan beberapa kajian serta penambahbaikan yang dikemukakan Perdana Menteri.

"Dr Mahathir juga meminta tiga kementerian iaitu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, MOA dan Kementerian Perdagangan. Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk berbin-cang serta mengemukakan pandangan lebih konstruktif supaya pendapatan pesawah dapat ditingkatkan secara holistik.

"Satu kertas akan dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi dalam masa terdekat," katanya.

mempunyai kepakaran untuk memberi pandangan agar industri padi negara dapat berkembang ke peringkat yang lebih baik.

"Dalam tempoh terdekat, saya akan memanggil semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuklah individu-individu sama ada pemain industri atau mereka yang memiliki kepakaran dalam bidang industri padi untuk tampil ber-

RM44j subsidi dilulus bantu pesawah di Sabah, Sarawak

PUTRAJAYA - Seramai 56,446 pesawah padi bukit di Sabah dan Sarawak akan menerima manfaat menerusi Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit dan Huma (SBRPB) sebanyak RM44 juta yang diperuntukkan kerajaan, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Katanya, skim subsidi itu akan merembantu 11,684 pesawah di Sabah dan 44,762 pesawah di Sarawak semasa musim penanaman di kedua-dua negeri bermula

awal Ogos depan. SBRPB yang diperkenalkan pada tahun 2015 merupakan inisiatif kerajaan khusus bagi membantu pesawah di Sabah dan Sarawak yang menguhahakan penanaman padi bukit.

"Melalui inisiatif itu, pengeluaran padi bukit berjaya ditingkatkan dari pada satu metrik tan per hektar kepada sehingga 2.5 tan metrik

per hektar serta meningkatkan pendapatan pesawah daripada RM18 sebulan kepada antara RM320 dan RM700 sebulan.

"Diharap mereka (pesawah) dapat berusaha meningkatkan produktiviti dan pendapatan dari masa ke semasa menerusi skim ini," katanya ketika ditemui selepas majlis sambutan Aidilfitri kementerianinya di sini semalam.



SALAHUDDIN

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, Kementerian sedang mengkaji beberapa model penyatuan tanah dan model terpilih akan diumumkan pada penghujung tahun ini.

"Apa yang penting, model yang dipilih nanti harus mengambil kira kepentingan tuan tanah, pesawah, pelabur dan kerajaan.

Penyatuan tanah ini akan diterajui oleh salah satu agensi di bawah Kementerian," jelasnya.

Tambahnya, beberapa perubahan dasar perlu dilakukan

bagi memastikan penyatuan tanah dan pemodenan sektor padi tercapai antaranya merenaka yang mengusahakan tanah sawah lebih 10 hektar berhak mendapat subsidi dan pesawah diberi kebebasan untuk memilih input pertanian.

"Pemodenan penanaman padi mampu direalisasikan melalui pertanian berskala besar. Justeru, penyatuan tanah harus dilakukan agar pesawah mencapai skala ekonomi," katanya. - Bernama

SBRPB manfaat pesawah padi bukit tambah pendapatan

Putrajaya: Kerajaan meluluskan peruntukan RM44 juta untuk Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huama (SBRPB) yang akan memafaatkan 56,446 pesawah padi bukit di Sabah dan Sarawak bagi musim penanaman bermula awal Ogos ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, jumlah itu akan memafaatkan 11,684 pesawah padi bukit di Sabah dan 44,762 di Sarawak.

Katanya, SBRPB diperkenalkan sejak 2015 dan melalui inisiatif itu, pengeluaran padi bukit berjaya ditingkatkan daripada satu metrik tan per hektar kepada 1.5 metrik tan hingga 2.5 metrik tan per hektar.

"Ia sekali gus berjaya meningkatkan pendapatan pesawah dari RM180 sebulan kepada antara RM320 hingga RM700 sebulan.

"Peruntukan SBRPB ini juga tidak disenaraikan dalam pemberian belanjawan tahun ini.

"Kita harap dengan kelulusan ini dapat membantu pesawah yang

terbabit semasa musim penanaman yang akan bermula awal Ogos nanti," katanya pada sidang media selepas Majlis Sambutan Aidilfitri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di sini, semalam.

Sementara itu, Salahuddin berkata, selepas melancarkan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada Februari lalu, beberapa perancangan sudah dibuat antaranya memodenkan sektor padi - negara untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah.

"Susulan perjumpaan bersama Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada Selasa lalu, beliau mahu tiga kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Industri

Ekonomi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengadakan perbincangan.

"Selepas mengadakan perbincangan, kami diminta memberikan pandangan yang lebih mantap un-



Salahuddin bersama pegawai tinggi kementerianya menunjukkan bakat membuat teh tarik pada Majlis Sambutan Aidilfitri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Putrajaya, semalam.

tuk pastikan perancangan meningkatkan pendapatan petani dapat dilakukan secara holistik dan menyeluruh.

Kaji model penyatuatan tanah Beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga sedang mengkaji beberapa model penyatuatan tanah.

"Secara umumnya, saya nyatakan bahawa kebanyakan pesawah kita rata-rata hanya memiliki dua hektar tanah sawah saja, iaitu ska-

la yang sangat kecil.

"Jadi kita memikirkan bagaimana untuk mengubah nasib mereka ini. Susulan itu, banyak perbincangan dilakukan untuk melihat beberapa model antaranya termasuk FELCRA yang berjaya buat estet padi, dan kita boleh melihat secara lebih teliti model ini," katanya.

Dalam pada itu, Salahuddin menjelaskan, tanpa perubahan beberapa dasar, penyatuatan tanah dan pemodernan sektor padi ini tidak boleh dicapai.

"Jadi cadangan kita, antara dasar yang perlu diubah termasuk me-reka yang mengusahakan tanah sawah lebih daripada 10 hektar - berhak mendapat subsidi dan pesawah diberi kebebasan untuk memilih input pertanian.

"Selain itu, peralihan daripada subsidi berasaskan input kepada berasaskan pengeluaran serta sistem kuota pengeluaran berhubung di sah diubah dan digantikan dengan sistem pasaran terbuka," katanya.

Perlu tambahan RM3 bilion - Maszlee

Oleh AFIQ MOHD. SHAH
pengrang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 JUN

KEMENTERIAN Pendidikan memerlukan peruntukan tambahan berjumlah RM3 bilion bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi pekerja kontrak melibatkan bangunan dan kawasan sekolah seluruh negara.

Sehubungan itu, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik memberitahu, kementerianya telah pun menghantar surat ulangan kepada Kementerian Kewangan memohon pertambahan dana melibatkan isu pekerja perkhidmatan keselamatan, bangunan, kebersihan, makanan masak dan lain-lain kerja am.

"Pihak kementerian amat mengambil berat mengenai masalah yang menimpa semua pekerja kontrak ini dan sedang berusaha keras menanganinya bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan mereka sentiasa terjamin," katanya dalam kenyataan seperti dilaporkan *The Star Online*, hari ini.

Isu melibatkan pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan kontrak di sekolah mula timbul pada Januari lalu apabila Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan (JPKK) menuntut Kementerian Pendidikan membela nasib pekerja di hampir 10,000 buah sekolah seluruh negara yang telah ditamatkan kontrak.

Koordinator JPKK, R. Mohanarani berkata, kesemua pekerja itu diberhentikan kerja tanpa notis selepas kontraktor baharu yang dilantik Kementerian Pendidikan mengambil alih.



"Pihak kementerian amat mengambil berat mengenai masalah yang menimpa semua pekerja kontrak ini dan sedang berusaha keras menanganinya bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan mereka sentiasa terjamin."

MASZLEE MALIK



LAPORAN
Utusan
Malaysia
1 Jun 2019.

Isu berkenaan kembali hangat apabila *Utusan Malaysia* baru-baru ini melaporkan kenyataan Persatuan Kontraktor Bumiputera Sisa Pegejal dan Pembersihan (Kospem) yang mendakwa, kira-kira 45,000 pekerja sektor itu bakal kehilangan pekerjaan susulan format tender baharu dilaksanakan Kementerian Pendidikan.

Dalam pada itu, Maszlee berkata, pihaknya telah pun mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan

berhubung peruntukan tambahan berkenaan pada 3 April lalu, susulan keputusan Kabinet pada 29 Mac.

"Kementerian juga telah mengadakan pertemuan dan berbincang dengan rangkaian pekerja kontrak kerajaan dan Ahli Jawatankuasa Pusat, Parti Sosialis Malaysia (PSM), S. Artuchelvan.

"Semua pandangan dan cadangan yang dibangkitkan semasa pertemuan diterima serta dipandang serius," katanya.

RM44 juta SBRPB bantu pesawah Sabah, Sarawak - Salahuddin

PUTRAJAYA 13 Jun - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani meluluskan peruntukan berjumlah RM44 juta bagi Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma (SBRPB).
Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, skim berkenaan yang diperkenalkan pada 2015 merupakan inisiatif kerajaan khususnya bagi membantu pesawah di Sabah dan Sarawak yang mengusahakan penanaman padi bukit.

"Melalui inisiatif itu, penge-

luaran padi bukit telah berjaya ditingkatkan daripada satu metrik tan per hektar kepada 1.5 hingga 2.5 metrik tan per hektar.

"Sekali gus pendapatan pesawah-pesawah telah berjaya ditingkatkan dari RM180 ke RM320 hingga RM700 sebulan," katanya dalam sidang akhbar sempena majlis Hari Raya Aidilfitri 2019 peringkat kementerianya di sini hari ini.

Menurut Salahuddin, pe-

runtukan bagi skim berkenaan tidak disenaraikan dalam pembentangan Belanjawan 2019.

Bagaimanapun kata beliau, hasil usaha kementerianya, peruntukan tersebut telah diluluskan pada 28 Mei lalu.

"Kelulusan ini akan memberi manfaat kepada 56,446 pesawah padi bukit dengan Sabah seramai 11, 684 orang, Sarawak 44,762 orang, semasa musim penanaman di Sabah dan Sarawak bermula pada awal Ogos 2019," katanya.



SALAHUDDIN AYUB menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim Mohammad Aqil Faiz, Nor Abris Arissa dan Ibu mereka, Norashikin Zainal Abidin dalam majlis Hari Raya Aidilfitri 2019 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

Kementerian kaji penyatuan tanah

PUTRAJAYA 13 Jun - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang mengkaji beberapa model penyatuan tanah dan model itu dijangka diumumkan pada hujung tahun ini.

Menurut Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, model yang dipilih nanti harus menggarib kira kepentingan tuan tanah, pesawah, pelabur dan kerajaan.

Beliau berkata, penyatuan tanah itu akan diterajui oleh sebuah agensi di bawah kementerianya.

Jelasnya, antara model yang berjaya ialah Estet Padi oleh Felcra Berhad dan pihaknya akan melihat pelbagai model lain termasuk penyertaan anak-anak muda dalam sektor pertanian secara lebih serius.

"Tanpa perubahan beberapa dasar, penyatuan tanah dan pemodenan sektor padi ini tidak akan boleh dicapai," katanya dalam sidang akhbar sempena majlis Hari Raya Aidilfitri 2019 peringkat kementerianya di sini hari ini.

Menurut Salahuddin, beberapa dasar perlu diubah antaranya, mereka yang mengusahakan tanah sawah lebih 10 hektar berhak mendapat subsidi dan pesawah diberi kebebasan untuk memilih input pertanian.

Dasar lain ialah peralihan daripada subsidi berasaskan input kepada subsidi berasaskan output, harga siling beras tempatan dihapuskan dan harga siling beras putih import ditetapkan serta sistem kuota pengeluaran benih padi sah diubah dan digantikan dengan sistem pasaran terbuka.

"Kita sedang bekerja keras dan setiap agensi terlibat kena lihat secara komprehensif, masalah ini (kemiskinan petani) tidak boleh diselesaikan secara runcit tetapi secara holistik. Penglibatan semua pihak perlu untuk menjayakan industri padi negara," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Bil. 3/2019, menyatakan komitmen kerajaan untuk meningkatkan pendapatan pesawah melalui pelaksanaan pertanian moden, sekali gus mengatasi masalah kemiskinan membabitkan golongan berkenaan.

Menurut Salahuddin, pemodenan penanaman padi hanya mampu direalisasikan melalui pertanian berskala besar.

"Justeru itu, penyatuan tanah harus dilakukan. Penyatuan tanah juga diperlukan agar pesawah dapat mencapai 'economies of scale,' katanya.

Headline	'RM44 mln for Sabah, Sarawak hill padi farmers'		
MediaTitle	Borneo Post Online(www.theborneopost.com)		
Date	14 Jun 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

'RM44 mln for Sabah, Sarawak hill padi farmers'

PUTRAJAYA: A total of 56,446 Sabah and Sarawak hill padi farmers will benefit from the RM44 million allocation under the Hill/Huma Padi Fertilisers and Pesticides (SBRPB) Scheme, said Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub.
He...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	RM44 million allocated for Sabah, Sarawak hill padi farmers		
MediaTitle	New Sarawak Tribune (www.newsarawaktribune.com.my)		
Date	14 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

RM44 million allocated for Sabah, Sarawak hill padi farmers

PUTRAJAYA: A total of 56,446 Sabah and Sarawak hill padi farmers will benefit from the RM44 million allocation under the Hill/Huma Padi Fertilisers and Pesticides (SBRPB) Scheme, said Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub.
He...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	First batch of frozen whole durians to export to China		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	14 Jun 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A4	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	284 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,572
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,717



5 企业获中国海关总署批准 首批冷冻带壳榴梿将输华

(布城 13 日讯) 大马 5 家企业已获得中国海关总署 (GACC) 批准出口冷冻带壳榴梿到中国, 预计中国爱好果王者近期内可以品尝到我国首批高品质的冷冻带壳榴梿。

这 5 家通过中国检验及检疫的企业分别 (1) 马六甲 Exofruits 工业有限公司、(2) 柔佛峇都巴辖的 Topfruits 有限公司、(3) 彭亨劳勿 PHG Ever Fresh 有限公司、(4) 雪兰莪万挠 JL 食品工业有限公司及 (5) 雪兰莪乌鲁音峇鲁 Kami Food Services 有限公司。

农业与农基工业副部长沈志勤今晚在其面簿发布这项好消息。

“我国首批冷冻带壳榴梿预计会在最近的榴梿季出口中国。”

须确保榴梿品质

他说, 其他有意出口冷冻带壳榴梿至中国的大马企业, 依然可以继续向农业部注册, 争取未来获准出口榴梿至中国。

“政府提醒出口的公司必须确保榴梿的品质。”

他说, 中国消费者目前尚未广泛认识大马的榴梿, 他们熟悉的是泰国榴梿, 所以我们必须确保最好品质榴梿销售到中国, 让他们对我国榴梿留下美好的印象及保持信心。

“大马榴梿的名声比企业的利益更加重要, 因此我促请相关企业们严厉遵守榴梿出口的相关规则。”

他强调, 首批获准出口的企业有责任捍卫我国榴梿的名声, 不要尝试走捷径或试图欺骗; 一旦发生欺诈事件, 政府会采取严厉行动对付。

Headline	5 companies in Malaysia granted exports of whole durian into China		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	14 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	12	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	202 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,121
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,364



馬來西亞輸華冷凍帶殼榴梿註冊企業名單

原号	加工企业名称	出口注册登记号	地址
1	Exofruits Industry Sdn Bhd	MY/DW/PF/M(02)/19	PLOT B7,JALAN MHF F2/3 MELAKA HALAL HUB FASA 277300 MERLIMAU,MELAKA
2	Topfruits Sdn Bhd	MY/DW/PF/K(03)/19	LOT 7424 .BATUI JALAN KANGKAR SENANGAR PARIT SULONG,83500 BATU PAHAT JOHOR
3	PHG Ever Fresh Sdn Bhd	MY/DW/PF/C(05)/19	NO.10380 GM4324 JALAN SUNGAI CHALIT,SUNGAI KLAU 27630 RAUB,PAHANG
4	JL Food Industry Sdn Bhd	MY/DW/PF/B(13)/19	LOT 97,JALAN INDUSTRI 3/5 RAWANG INTEGRATED INDUSTRIAL PAKPK 48000 RAWANG SELANGOR
5	Kami Food Services Sdn Bhd	MY/DW/PF/B(06)/19	LOT 8(PT2750)JALAN SUNGAI TUA 44300 HULU YAM BHARU SELANGOR

(吉隆坡13日讯)中国海关总署今日宣布允许5家符合相关检验检疫要求的大马企业,出口冷冻带壳榴梿至中国。

中国海关总署官网今日发布的名单显示,获准出口冷冻带壳榴梿至中国5家企业包括Exofruits Industry, Topfruits, PHG Ever Fresh, JL Food Industry以及Kami Food Services。

沈志勤证实消息

此外,农业及农基工业部副部长沈志勤也在脸书证实这一消息。

他除了对5家获准出口冷冻带壳榴梿至中国的企业表达祝贺外,也形容这是一项有利大马的好消息。

他指出,随着中国批准大马出口冷冻带壳榴梿

中允進口帶殼榴梿 大馬5企業喜過關

后,我国预计将在本次的榴梿季出口首批冷冻带壳榴梿至中国。

据悉,中国海关总署检疫人员曾于4月来马进行检验检疫榴梿园,共检验7间企业,而最终获准出口的仅5家。

促确保榴梿品质

无论如何,其余有意出口冷冻带壳榴梿至中国的大马企业,依旧能继续向农业部进行注册,争取在明年获得准证出口榴梿至中国。

沈志勤提醒5家获准出口冷冻带壳榴梿至中国的企业必须确保榴梿的品

质。

“目前,中国人尚未广泛认可马来西亚的榴梿,他们更熟悉泰国榴梿,所以我们必须确保最好的榴梿质量,让买家留下最好的印象,对马来西亚榴梿保持信心。”

他认为,大马榴梿领域的名声原本企业的利益更加重要,因此促请相关企业严厉遵守榴梿出口的相关规则。

“这些被选中的企业有责任捍卫大马和我国榴梿的名声。我相信他们不会尝试走捷径并试图欺骗;一旦发生欺诈事件,政府将毫不犹豫对违例的公司采取行动。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

Pesawah tertekan, pengeluar benih padi kaut untung

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
 utusanperis@utusan.com.my

ARAU 13 Jun - Kerajaan perlu mencari jalan menyelesaikan masalah pembekalan benih tidak berkualiti yang menjadi antara punca para petani gagal mendapatkan hasil tanaman yang baik.

Seorang pesawah, Zamzuri Ishak, 35, berkata, masalah yang berlarutan sejak sekian lama itu perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum kerajaan ber-cadang membantu para petani meningkatkan hasil pendapatan mereka.

Katanya, setiap tahun, pelbagai masalah berbangkit seperti padi angin, kerosakan tanaman dan sebagainya berikutan kualiti benih yang dibekalkan itu tidak memuaskan.

"Pesawah terus tertekan dengan masalah ini, sedangkan syarikat pengeluar benih terus mengaut keuntungan. Selesaikan dulu masalah ini, jika ingin membantu para petani," katanya.

Kelmarin, kerajaan mengenal pasti beberapa langkah untuk menangani kemiskinan golongan pesawah yang selama ini

bergantung kepada pemberian subsidi.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, antara langkahnya adalah meningkatkan kaedah pertanian moden selain memperkenalkan tanaman kontan seperti sayuran dan buah-buahan bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Kata Dr. Mahathir lagi, antara masalah dihadapi mereka ialah mempunyai keluasan sawah yang terlalu kecil untuk memberi perolehan pulangan yang baik dan tidak efisien dalam pengeluaran hasil pertanian.

Dalam perkembangan berkaitan, Zamzuri berkata, langkah menghentikan pemberian subsidi dilihat tidak berkesan dan bakal menyebabkan para pesawah terpaksa menanggung kos yang tinggi bagi mengusahakan tanaman.

Katanya, meskipun harga pembelian hasil keluaran petani ditingkatkan, namun ia masih tidak berbaloi khususnya melibatkan tanaman

padi.

Jelasnya, selama ini, kerajaan memberikan subsidi benih, racun, baja dan pelbagai lagi, namun jika kesemua bantuan tersebut ditarik balik sekali gus bakal menyebabkan mereka terpaksa mengeluarkan modal

yang tinggi.

"Selain itu, jika pengilang membeli dengan harga yang tinggi, mereka juga terpaksa menaikkan harga yang akhirnya turut menyebabkan pengguna terbeban. Bagi saya, subsidi harus dikekalkan selain kera-

jaan perlu mencari kaedah lain bagi membantu meningkatkan hasil.

"Sekarang, kos untuk mengusahakan tanaman padi semakin meningkat. Jika subsidi ditarik balik, ia akan membebankan pesawah," katanya.



TENAGA NASIONAL

Borang B
 [subperaturan 6A(2)]
 MALAYSIA
 NEGERI SEMBILAN
 AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

MAKLUMAN GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK

Para Pengguna Yang Dihormati,

Adalah menjadi keutamaan kami di Tenaga Nasional Berhad untuk memastikan bekalan elektrik yang berterusan dan berkualiti disalurkan kepada para pengguna.

Bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan kami, gangguan bekalan elektrik secara berjadual perlu dilakukan bagi membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan terhadap infrastruktur pembekalan elektrik dapat dilaksanakan.

Untuk keselesaan para pengguna, kami mencadangkan agar persediaan awal dapat dilakukan untuk menghadapi gangguan bekalan berikut:

Tarikh : 16 Jun 2019 (Ahad)
Masa : 9:00 pagi hingga 6:00 petang
Kawasan : Jelebu, Negeri Sembilan

14/6/2019

UTUSAN

ALBUM

14

MALAYSIA

AIDILFITRI

RUMAH TERBUKA PAS

TIMBALAN Mursyidul Am Pas, Datuk Ahmad Yakob bersama Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man dan Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Annuar Musa serta pemimpin kedua-dua parti dalam Rumah Terbuka Pas Kelantan di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik), Kota Bharu, Kelantan, semalam.

JAMUAN RAYA LPP

PENGERUSI Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Johor, Toonin Jarvanthi (dua dari kanan) bertamya khabar kepada tetamu dalam sambutan Aidilfitri Lembaga Perubuhan Peladang di Johor Bahru, kelmarin. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	3

400 parkir alternatif Hospital Serdang

Hospital Serdang menyediakan 400 tempat letak kereta (TLK) alternatif di MAEPS, Serdang bagi menampung kesesakan parkir di hospital berkenaan sejak 18 September tahun lalu.

Pada masa sama, pihak hospital menyediakan perkhidmatan bas *shuttle* secara percuma untuk orang ramai yang mendapatkan rawatan dan mengunjungi pesakit.

Hospital Serdang dalam satu kenyataan media berkata, pihaknya menyedari kesulitan dialami pesakit, waris, petugas hospital dan pengunjung untuk meletak kenderaan di hospital itu.

Menurutnya, berdasarkan pemerhatian, tempat meletak kereta pelawat hanya mulai dipenuhi kenderaan jam 6 pagi.

“Masalah (kesesakan) parkir ini cuba diatasi dengan kerjasama MARDI MAEPS Sdn Bhd yang



Masalah (kesesakan) parkir ini cuba diatasi dengan kerjasama MARDI MAEPS Sdn Bhd”

Jurucakap

menyediakan kemudahan TLK alternatif bagi Hospital Serdang di MAEPS.

“Waktu operasi TLK dilaksanakan setiap hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula jam 6 pagi hingga 11 malam.

“Justeru, kerjasama orang ramai dipohon untuk merancang dan memilih kaedah pengangkutan yang sesuai untuk ke Hospital Serdang,” katanya.

Katanya, maklumat lanjut berhubung kemudahan TLK alternatif ini boleh didapati melalui laman media sosial Facebook MAEPS Serdang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	44

Kes terbaharu rabies di Sarawak

PUTRAJAYA 13 Jun - Kementerian Kesihatan memaklumkan terdapat seorang wanita yang baru sahaja meninggal dunia selepas disahkan dijangkiti rabies di Peding, Kuching, Sarawak semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, mangsa berumur 61 tahun itu telah disahkan dijangkiti rabies melalui ujian makmal oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

"Dukacita dimaklumkan beliau telah meninggal dunia semasa dalam rawatan di wad Hospital Umum Sarawak (HUS) semalam pada pukul 10.47 malam," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Noor Hisham, mangsa mempunyai rekod digigit oleh seekor anjing liar di bahagian ibu jari tangan kanannya pada 29 April lalu.

Katanya lagi, ia berlaku semasa mangsa cuba menghalau anjing tersebut yang sentiasa menyalak kepadanya.

"Mangsa kemudian mencuci luka tersebut selama lima minit dan terus mendapatkan rawatan di sebuah klinik komuniti berhampiran rumahnya dan diberi temu janji seminggu kemudian.

"Walaupun bagaimanapun, mangsa tidak mendapatkan rawatan susulan seperti yang ditetapkan kerana berpendapat bahawa luka pada jarinya telah sembuh," katanya.

Tambah Noor Hisham, pada 6 Jun lalu, mangsa mula mengalami sakit dan rasa tidak selesa di bahagian lengan tangan kanannya.

"Mangsa selepas itu mendapatkan rawatan di HUS dan telah dimasukkan ke Wad Penyakit Berjangkit serta diberi-

kan Rabies Immunoglobulin (RIG)," katanya.

Ujar Noor Hisham lagi, mangsa kemudian mengadu loya, pening, susah menelan, sakit kepala, kesukaran untuk menelan air atau hydrophobia dan tidak selesa di bahagian lengan tangan kanan serta lemah di bahagian bawah badan.

Beliau menambah, dengan pengesanan itu, kes disahkan rabies dalam kalangan manusia di Sarawak semenjak pengisytiharan wabak pada 1 Julai 2017 sehingga semalam adalah 19 kes termasuk 18 kematian.

"Daripada 19 kes tersebut, tiga kes dilaporkan pada tahun ini.

"Pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak telah mengeluarkan peringatan kepada semua pengamal perubatan di negeri itu agar memastikan pengurusan kes gigitan haiwan termasuk anjing dijalankan mengikut Panduan Pengurusan Kes Gigitan Haiwan," ujar beliau.



**NOOR HISHAM
ABDULLAH**

19 kes rabies dicatat di Sarawak

KUCHING - Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan satu kes baharu rabies membabitkan seorang wanita dari Pending di sini yang meninggal dunia kelmarin sekali gus menjadikan 19 kes di Sarawak setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, wanita berusia 61 tahun itu disahkan dijangkiti rabies melalui ujian makmal yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) kelmarin.

“Dukacita dimaklumkan bahawa beliau meninggal dunia semasa dalam rawatan di wad Hospital Umum Sarawak (HUS) pada 12 Jun 2019 pukul 10.47 malam,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, wanita itu mempunyai sejarah digigit seekor anjing liar di bahagian ibu jari tangan kanan pada 29 April lalu semasa cuba menghalau anjing tersebut.

Mangsa terbaharu itu mendapatkan rawatan di HUS pada 8 Jun dan dimasukkan ke Wad Penyakit Berjangkit serta diberikan *Rabies immunoglobulin* (RIG).

Noor Hisham berkata, kes disahkan rabies dalam kalangan manusia di



ANJING perlu diberi suntikan vaksin antirabies atau anjing gila dalam usaha membendung penularan wabak itu. - Gambar hiasan

Sarawak sejak pengisytiharan wabak pada 1 Julai 2017 sehingga 12 Jun tahun ini adalah 19 kes melibatkan 18 kematian.

Beliau berkata, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak telah mengeluarkan peringatan kepada semua pengamal perubatan di negeri ini agar memastikan pengurusan kes gigitan haiwan termasuk anjing dijalankan mengikut Panduan Pengurusan Kes Gigitan Haiwan di Sarawak.

Kes gigitan yang berisiko dan gagal mendapat-

kan rawatan susulan pula hendaklah dimaklumkan segera kepada pejabat kesihatan berhampiran supaya kes boleh dikesan.

“Bagi memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan virus rabies dapat dilaksanakan secara menyeluruh demi mencapai Sarawak bebas rabies, orang ramai diminta sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa dan memberi kerjasama dalam pelaksanaan program kawalan serta pencegahan rabies yang dijalankan,” katanya. - Bernama